

|            |                                  |             |                     |
|------------|----------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline   | Tambah spesies Resak abdulrahman |             |                     |
| MediaTitle | Berita Harian                    |             |                     |
| Date       | 22 Apr 2016                      | Color       | Full Color          |
| Section    | Nasional                         | Circulation | 125,514             |
| Page No    | 24                               | Readership  | 947,000             |
| Language   | Malay                            | ArticleSize | 387 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | Balqis Jazimah Zahari            | AdValue     | RM 13,289           |
| Frequency  | Daily                            | PR Value    | RM 39,867           |



# Tambah spesies Resak abdulrahman

» *Lebih banyak pembenihan pokok hutan baru: Zambry*

Oleh Balqis Jazimah Zahari

bhnews@bh.com.my

► Ipoh

Kerajaan Perak bersama Jabatan Perhutanan akan memelihara spesies pokok hutan baru dunia, Resak abdulrahman yang ditemui di Hutan Simpan Kledang Saiong, dekat sini.

Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir, berkata kerajaan negeri akan melaksanakan lebih banyak proses pembenihan bagi memastikan kewujudan dan pemuliharaan spesies itu terjamin sepanjang masa.

## Spesies unik

“Kita akan menambah spesies itu supaya ia dapat ditanam di kawasan ini (lokasi ditemui) atau kawasan lain yang sesuai,” katanya pada sidang media selepas merasmikan Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Perak 2016 dan Kembara Rimba Bersama Menteri Besar di Taman Eko Rimba Kledang Saiong, di sini semalam.

Zambry turut merentas laluan Denai Hutan Digital sejauh kira-kira dua kilometer bersama 30 pegawai Jabatan Perhutanan Perak dan wakil media.

Yang turut hadir, Pengurus

Landskap Malaysia, Tun Jeanne Abdullah dan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung, Datuk Seri Dr Abd Rahman Abd Rahim.

Pada 10 April lalu, BH melaporkan penemuan spesies baharu Resak abdulrahman atau nama saintifiknya, Vatica abdulrahmaniana yang menjadi satu-satunya spesies unik di dunia yang hanya ada di Hutan Simpan Kledang Saiong.

Semenanjung mempunyai 23 spesies Resak dan kajian mendapati spesies Resak abdulrahman diketahui wujud sebagai Vatica sp A seawal 1931, tetapi tidak

cukup bahan berbunga atau berbuah untuk menamakannya sebagai spesies.

## Hasil penyelidikan

Spesies istimewa itu ditemui sekumpulan penyelidik yang menjalankan kerja pemantauan jangka panjang spesies terancam menerusi projek dikendalikan Institut Penyelidikan Perhutanan

Malaysia (FRIM) di kawasan hutan simpan berkenaan pada tahun 2009. Ia diberi nama Resak abdulrahman sempena nama Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung.

Zambry berkata, Hutan Eko Rimba Kledang Saiong juga akan disenaraikan dalam pakej pelancongan yang akan dibangunkan bersama Movies Animation Park Studios (MAPS) di Meru menerusi kerjasama Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) dan Jabatan Perhutanan.

“Kawasan seluas 50 hektar ini akan menjadi salah satu pakej bagi menarik pelancong. Ini bermakna pelancong bukan sahaja dapat menikmati taman tema air dan taman animasi semata-mata, tapi turut merasai pengalaman masuk taman semula jadi,” katanya.

## INFO

### Resak abdulrahman

- Tinggi sehingga 20m
- Spesies endemik bagi Semenanjung
- Hanya ditemui di Bukit Kledang Saiong
- Urat daun menonjol, berbunga secara bermusim
- Pucuk muda berbulu coklat keemasan

|            |                                  |             |                     |
|------------|----------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline   | Tambah spesies Resak abdulrahman |             |                     |
| MediaTitle | Berita Harian                    |             |                     |
| Date       | 22 Apr 2016                      | Color       | Full Color          |
| Section    | Nasional                         | Circulation | 125,514             |
| Page No    | 24                               | Readership  | 947,000             |
| Language   | Malay                            | ArticleSize | 387 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | Balqis iazimah Zahari            | AdValue     | RM 13,289           |
| Frequency  | Daily                            | PR Value    | RM 39,867           |



**Zambry menanam pokok Beruas** di Taman Rimba Kledang Saiong ketika melawat taman rimba sempena Sambutan Hari Hutan Sedunia di Ipoh, semalam.

[FOTO SUPIAN AHMAD/BH]